

Kempen didik masyarakat fahami OKU

Kuala Lumpur: Program Kesedaran Terhadap orang kurang upaya (OKU), *Leave No One Behind* antara usaha untuk memperkasa dan menjadikan komuniti terbabit lebih inklusif.

Pengerusi Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datin Seri Yeoh Swee Lin, berkata menerusi program berkenaan, tumpuan membantu masyarakat supaya lebih memahami OKU, dan mengurangkan rasa janggal apabila bersama mereka.

Angkat martabat OKU

Katanya, komitmen ini adalah usaha pihaknya menyokong kehidupan tanpa diskriminasi dan mengangkat martabat OKU dalam kalangan warga MITI.

"Program berteraskan *International Day of Persons with Disabilities* turut disambut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pada setiap bulan ini," katanya dalam kenyataan, di sini.

Pada majlis itu, lebih 200 orang menghadiri program itu yang terdiri ahli PUSPANITA MITI dan OKU.

Wakil OKU dari Persatuan WeCareJourney, Sook Yee turut diundang.

Program ini turut memuatkan pelbagai aktiviti seperti simulasi kerusi roda, demonstrasi penggunaan tulisan braille dan permainan catur Braille.